



**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-12
ALLIED COORDINATING COMMITTEE
OF ISLAMIC NGOs
(ACCIN)
2020**

**Tingkat 4 Bangunan PERKIM KL
KUALA LUMPUR
SABTU 25 JULAI 2020
11.00 pagi**



AGENDA ATURCARA MESYUARAT AGUNG ALLIED COORDINATING COMMITTEE OF ISLAMIC NGO (ACCIN) KE-12

- | | |
|----------|---|
| 11.00 pg | - PERASMIAN MESYUARAT AGUNG KE-12
- Ucapan Alu-aluan oleh Pengerusi Majlis (MC)
- Bacaan Fatihah dan bacaan Doa |
| 11.05 pg | - Ucapan Pembukaan oleh Pengerusi ACCIN
Ustaz Ab Razak Mahadi (Darussyifa') |
| 11.10 pg | - Mesyuarat Agung
Agenda:
i. Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung ke-12 dan
Dua Orang Pencatat Minit Mesyuarat.
ii. Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung
ke 11 / 2019.
iii. Perkara Berbangkit.
iv. Membentang Dan Membincang Laporan Tahunan 2019.
v. Membentang Dan Menerima Penyata Kewangan
Beraudit Pada Tahun Berakhir Disember 2019.
vi. Ucapan Penangguhan dan Bersurai |

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ACCIN KALI KE-11, 1440H

Hari dan Tarikh: Sabtu 16 Mac 2019
Tempat: Dewan Senate UIAM, Gombak,
Masa: 2.15 ptg – 4.00 ptg

Kehadiran:

1. Hj. Mohd. Jamaludin Samsudin (ACCIN)
2. Pn Rafidah Harun Mahmud Hashim (ACCIN)
3. Prof Madya Dr Saupi Man (PUM)
4. Dr. Raudlotul Firdaus binti Fatah Yasin (JAMIYAH/PUM)
5. Ahmad Danial Hassan (PIM)
6. Hairi Alias (PIM)
7. Kamil Idris (DARUL FITRAH)
8. Haja Najmuddeen (AL-HUNAFA')
9. Dato' Dr Hj. Mustapha Ma (MACMA/ PERKIM)
10. Wan Ahmad Nizar bin Zakariya (IKRAM)
11. Ahmad Fahmi Mohd Samsudin (ABIM)
12. Mohamad Haeqal bin Ishak (ABIM)
13. Dr. Mokhtar bin Abu Bakar (JAMIYAH)
14. Ust Faisal Amar Amar bin Miskan Yahya (JAMIYAH)
15. En Imran Javed (JAMIYAH)
16. Ust Abdullah bin Usman (JAMIYAH)
17. Zuhri Yuhyi (IIS)
18. Nur Habeebah Abdullah (AL-HIDAYAH)
19. Mohd Iyas Zainal Ravi (AL-HIDAYAH)
20. Ustaz Ab Razak Mahadi (DARUSSYIFA)
21. Datuk Hasbullah L. Isa (PERKIM)
22. Tn Hj Abdul Hanif Harun (PERKIM)
23. Hj. Mohd Zuber Zain (PERKIM)
24. Ust Shahrin Awaludin (WAMY)
25. Abdul Rawuf Hussein (WAMY)
26. Ahmad Shauqi bin Shahrin (WAMY)

Jumlah Kehadiran: 26 orang

Jumlah Kehadiran NGO: 13/20

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE- 11, 1440H
ALLIED COORDINATING COMMITTEE OF ISLAMIC NGO (ACCIN)

Hari dan Tarikh: Sabtu 16hb Mac 2019
Tempat: Dewan Senate UIAM, Gombak
Masa: 2.15 petang – 3.39 petang

AGENDA MESYUARAT:

1. Ucapan aluan pengerusi ACCIN, Hj. Mohd. Jamaludin Samsudin
2. Membentang dan mengesahkan minit mesyuarat Agung ke 10
3. Perkara berbangkit
4. Membentang laporan aktiviti tahunan
5. Membentang dan menerima penyata kewangan beraudit pada tahun berakhir Disember 2018
6. Pembentangan Usul
7. Penerimaan barisan baru AJK ACCIN 2019
8. Perlantikan pemeriksa kira-kira
9. Pindaan perlembagaan
10. Penyerahan Tugas dan Kuasa kepada Sekretariat ACCIN yang baru

PERKARA	TINDAKAN
1. Perlantikan Pengerusi Majlis Untuk Mesyuarat Agung Kali Ke 11 Mesyuarat mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan NGO. Mesyuarat bersetuju melantik Ust Shahrin Awaludin sebagai pengerusi mesyuarat agung kali ke 10. Kebiasaan perlantikan Pengerusi Mesyuarat adalah mantan bagi Pengerusi ACCIN tahun sebelumnya.	Makluman
2. Ucapan Aluan Pengerusi ACCIN, Hj. Mohd. Jamaludin Samsudin Pengerusi mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada sekretariat diatas kejayaan perlaksanaan program seminar pada sesi pagi tadi. Pengerusi juga bersyukur kerana ACCIN telah mencapai kejayaan dari sudut populariti di kalangan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pimpinan negara setelah promosi dilakukan dengan melalui media dan instrumen moden. Pengerusi juga mengemukakan saranan agar ACCIN dapat meningkatkan penglibatan dengan program-program antarabangsa seperti mana program seminar pagi tadi.	Makluman
3. Perlantikan dua pencatat minit Mensyuarat bersetuju melantik Saudara Mohamad Haeqal bin Ishak dari ABIM dan Dr Raudlotul Firdaus binti Fatah Yasin dari PUM/ JAMIYAH.	Sekretariat

<p>4. Pembentangan minit mesyuarat Agung ke 10 dan pengesahan</p> <p>Pn Rafidah membentangkan minit mesyuarat Agung kali ke 10 kepada sidang mesyuarat.</p> <p>Pn Rafidah memaklumkan untuk membawa agenda 7 dari Mesyuarat Agung Tahunan ke-10 (MAT-10) kepada Mesyuarat Agung Tahunan ke 11 (MAT-11) memandangkan terdapat permasalahan pengemaskinian agenda tersebut di pihak ROS kerana keterlewatan menghantar minit selepas tamat MAT-10.</p> <p>Tn Haja Najmuddeen memohon pembetulan nama Hunafa kepada nama dirinya di dalam agenda 6.</p> <p>Minit disahkan oleh Prof Madya Dr Saupi Man dari PUM dan disokong oleh Dr. Mokhtar dari JAMIYAH.</p>	Sekretariat
<p>5. Pembentangan laporan aktiviti ACCIN 2018</p> <p>Pn Rafidah membentangkan aktiviti-aktiviti ACCIN sepanjang tahun 2018. ACCIN telah menganjurkan 19 program sepanjang tersebut sama ada berbentuk kerjasama mahupun kehadiran ke Koferensi Internasional sebagai delegasi mewakili Malaysia.</p> <p>Pn Rafidah juga memaklumkan ketidaaan perubahan kepada bilangan senarai ahli gabungan.</p> <p>Pn Rafidah juga memaklumkan mesyuarat telah diadakan sebanyak 9 kali pada tahun 2018.</p> <p>Pengerusi menjelaskan bahawa adalah terpulang kepada kekreatifan pihak Pengerusi ACCIN yang akan datang untuk menetapkan insentif dan bilangan mesyuarat yang patut diadakan mengikut kesesuaian. Sdr Fahmi Mohd Samsudin memohon agar agar maklumat dan laporan mesyuarat dapat dikongsikan dengan segera di group <i>Whatsapp</i> sebelum juga selepas mesyuarat agar dapat dibaca oleh keseluruhan ahli.</p> <p>Mesyuarat membangkitkan mengenai status GAPEMA yang tidak pernah membayar yuran keahlian selama beberapa tahun kebelakangan ini. Mesyuarat bersetuju perlu ada tindakan susulan dengan menghantar surat ke NGO tersebut untuk mendapatkan kepastian status mereka.</p>	Makluman Sekretariat Sekretariat
<p>6. Membentang dan menerima penyata kewangan beraudit pada tahun berakhir Disember 2018</p> <p>Pn Rafidah membentangkan laporan kewangan bagi pihak bendahari yang sedang bercuti dalam pantang.</p> <p>Dato Hasbullah membangkitkan laporan mengenai yuran tertunggak ahli-ahli NGO lain. Pn Rafidah menjelaskan invois sudah dikeluarkan beberapa kali kepada NGO-NGO tersebut namun belum ada tindakan susulan oleh pihak yang berkenaan.</p> <p>Mesyuarat memutuskan perlu ada “personal approach”, kreativiti dan peringatan-peringatan lanjutan selain dari menghantar surat dan invois.</p>	Makluman Sekretariat Sekretariat

Fahmi dari ABIM mencadangkan agar ACCIN mewujudkan akaun khas untuk menerima sumbangan awam, termasuk melalui online payment disamping billplz.	Makluman
Tn. Hj. Jamaludin mencadangkan agar ACCIN tidak sepenuhnya bergantung dengan sumber kewangan dari MAIWP, tapi perlu diwujudkan infaq ahli kepada ACCIN sendiri untuk 'sustainability'. Beliau juga mencadangkan agar meletakkan RM 500,000 sebagai reserve minima di dalam akaun selain memasukkan 20% hingga 30% kos pengurusan urusetia dalam kos perbelanjaan.	Sekretariat
Dr Mokhtar dari JAMIYAH mencadangkan agar laporan kewangan disahkan dan disokong oleh Wan Ahmad Nizar bin Zakariya dari IKRAM.	
Pengerusi juga berharap program "1N1P" dapat melibatkan lebih banyak NGOs, namun Tn. Hj. Jamaludin menyarankan penglibatan bersama NGOs yang berkesan patut diutamakan.	
7. Usul dan resolusi: Hj. Mohd Zuber Zain 7.1 Usul Pertama: Penerimaan duit zakat untuk NGO adalah satu hak dan bukan ihsan <i>asnaf fi sabillah</i> Mesyuarat bersetuju untuk memperhalusi susun atur Bahasa kesemua usul dengan mengutamakan usul yang ketiga kerana bertepatan dengan situasi semasa iaitu serangan terhadap Jemaah hari Jumaat di Christchurch. 7.2 Usul Kedua: Kerajaan dan pihak agama menerima NGO Islam sebagai rakan-rakan kongsi dalam pembinaan negara Respon 7.2: Dato' Dr Hj. Mustapha Ma (PERKIM) mencadangkan agar Usul kedua diubah dan dipersetujui oleh mesyuarat menjadi: "Duit zakat kepada NGO Islam adalah hak termaktub NGO Islam dan bukan semata-mata ihsan <i>asnaf fi sabillah</i> ". 7.3 Usul Ketiga: Penghinaan Agama- tindakan tegas dan cepat perlu diambil tanpa kompromi Tn Haji Wan Ahmad Nizar menganjurkan agar kita lebih berhati-hati menyusun ayat resolusi supaya resolusi tersebut lebih jelas dan tidak menimbulkan salah faham. Beliau juga menyarankan agar pihak ACCIN lebih keterhadapan dalam idea seumpama <i>Blockchain</i> yang merupakan salah satu pengisian dalam seminar anjuran ACCIN pagi tadi. Sdr Fahmi mencadangkan agar ACCIN menganjurkan seminar/program bersama pihak Majlis Agama dan mengeluarkan resolusi untuk mempertingkatkan sumbangan kepada 2% secara bersama bagi mengelakkan permusuhan terhadap Majlis Agama andai resolusi dikeluarkan secara sendirian. Pengerusi menyarankan untuk memberi fokus pada usaha melobi 2% sumbangan Majlis Agama dengan cara melibatkan NGO luar dalam usaha meningkatkan <i>push factor</i> .	Sekretariat Makluman Sekretariat Sekretariat Sekretariat

Dr. Raudlotul mencadangkan agar diwujudkan task force yang akan menggerakkan usul pertama dan kedua secara holistic dan komprehensif.	
8. Usul tambahan Cadangan Usul tambahan: Hj Jamaludin mencadangkan agar ACCIN mengeluarkan kenyataan mengenai peristiwa Christchurch. Persoalan mengapa tiada istilah teroris apabila jenayah tersebut dilakukan oleh white man. Islam menghormati semua rumah ibadat dan tidak boleh dirosakkan. ACCIN keseluruhannya menolak semua ‘hate speech’ penghinaan agama tanpa had. ACCIN menyarankan perdana menteri New Zealand untuk mengambil tindakan yang tegas dan cepat. Pengerusi meletakkan usul ini sebagai resolusi keempat.	Sekretariat
9. Penerimaan barisan baru AJK ACCIN 2019 Dato' Mustapha Ma mencadangkan agar istilah penerimaan diubah ke “rektifikasi” untuk tujuan pemantapan pernyataan lantikan tersebut. Pn Rafidah membentangkan senarai lantikan baru AJK ACCIN 2019. Pengerusi yang dilantik bagi sesi ini adalah Ustaz Ab Razak Mahadi dari NGO DARUSSYIFA. Setiausaha Kehormat terbaru adalah Sdr Zuhri Yuhyi (IIS), manakala Bendahari adalah Pn Rafidah Harun Mahmud Hashim (PIM) dan Penolong Bendahari Tn Mohd Albar Mohd Noor (DARUSSYIFA). Jawatan Penolong Bendahari masih dalam fasa pengesahan penerimaan.	Makluman
10. Perlantikan pemeriksa kira-kira Mesyuarat majlis ACCIN telah memutuskan untuk melantik syarikat AMZA sebagai audit luaran. Prof Madya Dr Saupi Man mencadangkan Ustaz Ahmad Arif bin Mohd Arshad dari JAMIYAH sebagai audit luaran kedua dan disokong oleh Mohd Ilyas dari Al- Hidayah.	Sekretariat
11. Pindaan perlembagaan: Fasal 8: Jawatankuasa Pn Rafidah membentangkan keperluan pindaan perlembagaan mengikut permintaan ROS. Asasnya mesyuarat bersetuju bilangan NGO akan dipinda dari 13 kepada 15 bagi memenuhi permintaan tersebut (Fasal 8). Fasal 10: Kewangan Mesyuarat bersetuju meminda Fasal 10 Kewangan, mengurangkan nama dari 3 orang kepada 2 orang sahaja untuk urusan kewangan. Mesyuarat bersetuju segala cek atau transaksi perbankan atas talian dari akaun ACCIN hendaklah ditandatangani oleh dua daripada tiga penama yang terdiri dari Pengerusi, Setiausaha Agung dan Bendahari (mana-mana dua daripada tiga penama tersebut).	Makluman Sekretariat

12. Penyerahan Tugas dan Kuasa kepada Sekretariat ACCIN yang baru

Tn Hj Jamaludin, mantan pengurus ACCIN menyerahkan tugas dan kuasa kepada pengurus yang baru, Ustaz Ab Razak Mahadi (DARUSSYIFA).

Ustaz Ab. Razak memberikan kata-kata aluan dengan penuh keyakinan bahawa dengan kerjasama dari semua ahli, inshaaAllah ACCIN akan dapat diterajui dengan lebih baik dan menyerlah di masa akan datang.

Dato' Hasbullah mewakili seluruh ACCIN merakamkan penghargaan kepada barisan kepimpinan yang lalu atas segala jasa dan kerjasama yang dicurahkan selama ini.

Makluman

Makluman

Makluman

13. Penutup

Majlis ditutup dengan bacaan doa oleh Prof Madya Dr Saupi Man.

Disediakan oleh,

Dr. Raudlotul Firdaus binti Fatah Yasin

Pencatat minit pertama

Tarikh: 16 Mac 2019

Disediakan oleh,

Mohamad Haeqal bin Ishak

Pencatat minit kedua

Tarikh: 16 Mac 2019

Disahkan oleh,
(Pengerusi ACCIN 2019)

LAPORAN TAHUNAN ALLIED COORDINATING COMMITTEE OF ISLAMIC NGO (ACCIN) SESI 2019

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, dengan izin ALLAH ACCIN sekali lagi dapat melangsungkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-12 pada **25 Julai 2020**. Sehubungan itu, sebagai makluman, disediakan Laporan Tahunan untuk pembentangan kegiatan aktiviti ACCIN yang telah dilaksanakan bagi tahun 2019.

Untuk laporan aktiviti sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

1. Keahlian
2. Pejabat Urusan Sekretariat ACCIN
3. Mesyuarat AJK
4. Mesyuarat Agung Tahunan Ke 11 (MAT11)
5. 9/1 RTD Uyghur Holocaust
6. 10/1 Mesyuarat RTD Penyelaras Modul Dakwah NGOi
7. 22/1 Wacana Sinar: Suara Ketiga Dalam Konteks Malaysia Baru
8. 27/1 Retreat SS
9. 29/1 Sessi Analisa Pasca UPR
10. 18/2 Kunjung Hormat dan Dailog dengan YDP Yadim
11. 19/2 Dakwah To The Needy & Homeless
12. 20/2 RTD Dakwah Modul 2
13. 21/2 WIHW Celebration
14. 25/2 RTD Dakwah
15. 27/2 Kunjung Hormat Ke Bank Islam KI
16. 4/3 Kunjung Hormat Ke Islamic Counselor Office
17. Setiap minggu - Straight Edge
18. 16/3 Forum Financial Independence & Sustainability
19. 18-24/3 Solidarity Palestine
20. 23/3 Solidarity 4 Peace
21. 26/3 International Symposium On The Path To Justice For The Rohingyas: Icc & Other International Accountability Mechanisms
22. 31/3-7/4 Working Visit By Muslim Ngo And Malaysian Delegation To China
23. 12/4 Mesyuarat dengan JKMPKA
24. 16/4 Perbincangan dengan Finterra
25. 18-19/4 Kolokium Dakwah dan Kepimpinan Islam
26. 23/4 Perbincangan dengan Ensany
27. 26/4 Keratan Akhbar dari ED ACCIN
28. 11/5 Iftar Accin
29. 14/5 Penyampaian Pembinaan Program Dan Aktiviti Tahunan NGO oleh MAIWP YADIM
30. 16/5 Perbincangan Dengan Bank Islam Mengenai ACCIN Care
31. 18/5 Bengkel Perbincangan Meja Bulat Belia
32. 18/5 Ramadhaan - A Date With Dr Zakir
33. 22/5 Majlis Pertemuan Muhibbah Dan Iftar
34. 23/5 Berbuka Puasa Sambil Beramal Bersama Ensany Global
35. 24/5 Mesyuarat Panel Pemikir
36. 24/5 Pastor's Journey To Islam
37. 27/5 45 Years Malaysia Chinese Diplomatic Relations Chinese Embassy

38. 28/5 Sri Lanka Embassy Discussion On Violence In Sri Lanka Against The Muslims 21 April Incident
39. 28/5 Perbincangan dengan NAMA Foundation
40. 29/5 Majlis Sambutan Aidilfitri Harmoni
41. 18/6 Majlis Raya oleh Chinese Embassy KL
42. 5/7 Pergerakan - Memorandum Isu Xinjiang
43. 6/7 Workshop: General Capacity Building
44. 8/7 Regional Dialogue On Uncat
45. 11/7 Perjumpaan dengan CEO YAPEIM
46. 23/7 RTD Uyghur: A Need for Concern & Action
47. Ogos Kajian: Tanggapan Remaja Terhadap Agama Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup
48. 26/8 International Seminar: Religious Values In Preventing & Countering Violent Extremism
49. 30/8 & 1/9 Karnival Maal Hijrah 1441H
50. 29/9 The Rohingya Crisis
51. 2/10 Persidangan Meja Bulat Kashmir
52. 2/11 Wacana Pengubatan Islam : Sudut Pandang Masa Kini
53. 7-9/12 Kunjung Hormat Ke Kota Bharu

1. KEAHLIAN

Kehlian ACCIN sehingga 31 Disember 2019 berjumlah 20 anggota ahli gabungan NGOs Islam yang telah berdaftar. Senarai 20 ahli gabungan adalah seperti berikut:

1. Research and Information Centre On Islam (RICOI)
2. Persatuan Darul Fitrah Malaysia (DARUL FITRAH)
3. Persatuan Al-Hunafa' (AL-HUNAFA)
4. Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)
5. Pertubuhan IKRAM Malaysia IKRAM
6. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
7. Persekutuan Seruan Islam Selangor & W.P (JAM'IYAH)
8. Islamic Information & Services Foundation (IIS)
9. Persatuan Dakwah Islamiah & Kebajikan Saudara Baru India Se-Malaysia (AL-Hidayah)
10. Persatuan Ulama' Malaysia (PUM)
11. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
12. Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)
13. World Assembly Of Muslim Youth (WAMY)
14. Persatuan Kebajikan & Pengubatan Islam Malaysia (DARUSSYIFA)
15. Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (GEPIMA)
16. Interactive Muslimah Association (IMAN)
17. Pertubuhan IQRA' Malaysia (PIM)
18. Islamic Propagation Society International (IPS)
19. Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM)
20. Global Unity Network (GUN)

2. PEJABAT URUSAN SEKRETARIAT ACCIN

Darussyifa' telah diamanahkan untuk menerajui ACCIN sebagai Pengurus, bermula dari bulan Januari 2019 sehingga Disember 2019. Pejabat Sekretariat ACCIN adalah beralamat seperti berikut:

Tingkat 16, BANGUNAN PERKIM,
150, JALAN IPOH,
51200 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-40512482
HP Admin : 016-6524722
Email : sekretariataccin@gmail.com

No.8 Jln PJU 8/6, Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor (alamat surat menyurat untuk MAIS)

Akaun Bank : Bank Islam Malaysia Berhad No. Akaun : 14-014-01-013868-5
Akaun Bank : Bank Islam Malaysia Berhad No. Akaun : 14-014-01-015677-3 (infaq)

3. MESYUARAT AJK

Sebanyak 9 kali Mesyuarat AJK ACCIN telah diadakan dan lazimnya berlangsung pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan bermula jam 10 pagi kecuali ada waktu yang ditunda.

BLN	TARIKH	BIL.	JUMLAH KEHADIRAN NGO	JUMLAH KEHADIRAN ORANG
JAN	5	1/2019	12	13
FEB	16	2/2019	11	14
MAC	-	-	-	-
APR	13	3/2019	11	15
MEI	12	4/2019	10	14
JUN	6	5/2019	10	11
JUL	-	-	-	-
OGO	3	6/2019	12	15
SEP	-	-	-	-
OKT	5	7/2019	10	10
NOV	2	8/2019	10	12
DIS	7	9/2019	10	11

PRESTASI KEHADIRAN MESYUARAT

Bil	Pertubuhan \ Bil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	ratio
1	PIM										9/9
2	WAMY										0/9
3	ISMA										1/9
4	PERKIM										9/9
5	PUM										6/9
6	Al-Hidayah										8/9
7	IIS										7/9
8	ABIM										6/9
9	Darul Fitrah										9/9
10	IKRAM										6/9
11	MACMA										4/9
12	RICOI										0/9
13	Al-Hunafa										4/9
14	IMAN										4/9
15	JAM'IYAH										7/9
16	Darussyifa'										8/9
17	GEPIMA										0/9
18	IPSI										3/9
19	PPMM										4/9
20	UNITY										1/9
JUMLAH NGO		12	11	11	10	10	12	10	10	11	

4. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 11 (MAT11)

Mesyuarat Agung Tahunan Ke 11 kali ini telah diadakan pada hari Sabtu 16 Mac 2019 bertempat di Dewan Senat UIAM, Gombak. (untuk butiran lanjut, sila rujuk Minit Mesyuarat yang disertakan)



5. PROGRAM-PROGRAM ACCIN BAGI TAHUN 2019

RTD UYGHUR 1&2



9 Januari 2019 & 23 Julai 2019
IDIP KI & DEWAN UTAMA IIS
600 orang
Anjuran: ACCIN, IIS, ABIM

Objektif

1. Perbincangan Meja Bulat untuk mengemukakan isu penindasan dan pembunuhan beramai-ramai umat Islam Uyghur di Xinjiang, China.
2. Mencari penyelesaian untuk membantu umat yang ditindas dan mengeluarkan Resolusi.
3. Menubuhkan Sekteriat Uyghur dari kalangan NGO berpegalaman di Malaysia.

WACANA SINAR: SUARA KETIGA DALAM KONTEKS MALAYSIA BARU



22 Januari 2019
Dewan Kraftangan Shah Alam
120 orang, + 25,000 penonton dan laporan dua muka penuh Sinar Harian
Anjuran: ACCIN, Jam'iyyah dengan kerjasama Sinar Harian

Objektif

1. Menilai keberkesanan NGO dalam mempengaruhi dasar-dasar dan tindakan (advokasi) parti-parti politik dalam negara.
2. Mendapat jadual tetap untuk berjumpa dengan pihak kerajaan bagi membincangkan isu-isu semasa.

RETREAT SS



27 Januari 2019

PAUM KL

20 orang


Anjuran: ACCIN

Objektif

Merangka pelan strategik ACCIN dengan membentangkan laporan SS 2017-2019 serta melantik dan menyelaraskan biro-biro SS untuk aktiviti yang akan dirancang bagi 2 tahun hadapan.

Mengkaji semula Tinjauan Pelan Strategik dan aktiviti-aktiviti setiap AJK Biro/SS untuk keseluruhan tahun 2019.

DAKWAH TO THE NEEDY & HOMELESS



19 Februari 2019

PUSAT GELANDANGAN MEDAN TUANKU KL

550 orang

Anjuran: ACCIN, Persatuan Darul Fitrah, PIM, Persatuan Kebajikan KASEH4U

Objektif

1. Dakwah kepada golongan gelandangan
2. Pemberian makanan kepada golongan gelandangan

RTD MODUL DAKWAH



20 Februari 2019
IDIP KL
50 orang
Anjuran: ACCIN

Objektif

1. Menubuhkan modul dakwah bersepadu untuk digunakan oleh NGOi dan Kementerian Pendidikan
2. Melatih daie peringkat negeri.

STRAIGHT EDGE



Dilangsungkan setiap minggu di sekitar Lembah Klang dengan sasaran 5-10 orang di sebelah petang.

Tujuan untuk mendekati remaja dan belia termasuk orang asli untuk membantu mereka mencegah dari tabiat yang memburukkan akhlak.

FORUM FINANCIAL INDEPENDENCE & SUSTAINABILITY



16 Mac 2019
Dewan Senat UIAM KL

100 orang
Anjuran: ACCIN dengan kerjasama UIA, NAMA Foundation

Objektif

Memberikan pendedahan kaedah dan teknik bagi pelbagai NGO-NGO memperkasakan kedudukan kewangan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti.

SOLIDARITY PALESTINE



18-24 MAC 2019

Astro Awani Lets Talk Sharad Kuttan , Masjid al-Ghufran TTDI, Masjid ISTAC
300,000 penonton
Anjuran: ACCIN, ANCOM

Objektif

Membina kesedaran bahawa isu Palestin bukannya isu Islam atau isu Arab semata-mata, malah merupakan isu kemanusiaan sejagat.

Penglibatan Pastor Dr. Alex Awad amat mustahak untuk menangani stereotaip di mana semua orang Palestin adalah orang Islam. Kami mengharap penglibatan Pastor akan dapat membuka mata semua peserta non-Muslim untuk sedar bahawa seseorang tidak perlu menjadi seorang Muslim untuk mengambil kisah pasal Palestin, tetapi hanya perlu menjadi seorang yang berperikemanusaan. "You do not need to be Muslim to care about Palestinians, you only need to be human".

SOLIDARITY 4 PEACE



23 Mac 2019
Dataran Merdeka KL
ribuan orang
Anjuran: ACCIN, NGOs, Kementerian

INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON THE PATH TO JUSTICE FOR THE ROHINGYAS: ICC & OTHER INTERNATIONAL ACCOUNTABILITY MECHANISMS



26 Mac 2019
Dewan Senat UIAM KL
180 orang
Anjuran: ABIM dengan kerjasama ACCIN

Objektif

Tujuan utama adalah untuk mengenalpasti masalah yang dialami oleh Rohingya, definisi genosid dan mekanisma yang boleh digunakan untuk membawa negara yang melakukannya genosid ke muka pengadilan melalui ICC.

WORKING VISIT BY MUSLIM NGOs TO BEIJING AND XINJIANG CHINA ON INVITATION BY THE CHINESE GOVERNMENT



31 Mac – 7 April 2019
Xinjiang China
22 orang

Objektif

Sebuah 'fact-finding mission' dimana ketua-ketua NGO Islam pergi ke wilayah Xinjiang untuk mengenalpasti sama ada ada kes penindasan terhadap etnik Uighur berlaku seperti mana yang didebak oleh media antarabangsa.

KOLOKUIM DAKWAH DAN KEPIMPINAN ISLAM



1-19 April 2019
Kuching
Diwakili oleh Dato' Mustapha Ma untuk majlis 50 tahun Hikmah NGO yang terbesar di Sarawak.

BENGKEL PERBINCANGAN MEJA BULAT BELIA



18 Mei 2019
Masjid Jamek Sultan Abdul Samad KL
150 orang
Anjuran: ABIM dengan kerjasama ACCIN

Objektif

1. Persidangan Meja Bulat Anak Muda Malaysia
2. Penyerahan Bubur Lambuk dan Bantuan Pek Makanan kepada keluarga Miskin Bandar
3. Sesi Lawatan dan Penerangan di Masjid Jamek Sultan Abdul Samad KL
4. Majlis Berbuka Puasa.

MAJLIS PERTEMUAN MUHIBBAH DANIFTAR



MACSA - PERTAHANKAN KEBEBASAN BERAGAMA KOMUNITI LGBT

Malaysian Alliance of Civil Society Organisations in the UPR Process (MACSA) memandang serius ucapan Saudara Numan Afifi sewaktu sesi "adoption" Semakan Berkala Sejagat (UPR) Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) di Geneva, Mac lalu yang menyatakan bahawa program Mukhayyam dan kelas-kelas agama yang di anjurkan JAKIM dan badan-badan

22 Mei 2019
Hotel Tenera Bangi
40 orang
Anjuran: MACSA dengan kerjasama ACCIN

Membawa kembali komuniti LGBT ke pangkal jalan melalui agama.

RAMADHAN - A DATE WITH DR ZAKIR




18 Mei 2019
Carlton Hotel Shah Alam
200 orang
Anjuran: MAPIM dengan ketjasama ACCIN

Objektif

Sesi khas dengan pendakwah terkenal Dr Zakir Naik untuk menambahkan ilmu tentang bagaimana kita boleh memperolehi lebih manfaat daripada bulan Ramadan.

PASTOR'S JOURNEY TO ISLAM



24 Mei 2019
Mukha Café TTDI
20 orang
Anjuran: ACCIN

Objektif

Mempelajari daripada teladan dan pengalaman Samuel Shropshire, seorang bekas pastor Kristian dan bekas ahli politik Amerika dalam perjalanan hidup beliau kepada Islam.

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI HARMONI



29 Jun 2019
TAMAN REKREASI PUDU ULU, CHERAS, KL
2000 orang
Anjuran: ACCIN, GDM, ANULAE

Objektif

1. Mewujudkan perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.
2. Menjalankan hubungan harmoni dengan masyarakat non-muslim
3. Membina semangat kesatuan di kalangan NGO muslim sebagai asas kesatuan umat Islam.
4. Menyambut Hari Raya 1440H

Objektif

1. Memberi pendalamian dalam memperluaskan sumber kewangan bagi NGO-NGO untuk membolehkan berdiri sendiri tanpa bergantung sangat pada dana-dana dari luar.
2. Mengajar NGO-NGO cara untuk mencapai kelestarian kewangan, mengenalpasti fokus dan misi/visi organisasi, dan kaedah operasi yang sistematis.

KAJIAN: TANGGAPAN REMAJA TERHADAP AGAMA SEBAGAI ASAS KESEJAHTERAAN HIDUP

Ogos 2019
SMK, SMA Selangor
323 Orang
Anjuran: ACCIN, IMAN

Objektif

1. Mengenalpasti persepsi remaja Islam mengenai kepentingan dan peranan agama dalam kehidupan.
2. Mengetahui punca-punca masalah juvenile remaja Islam dari perspektif agama.
3. Mengukur penghayatan dan amalan Islam dalam kalangan remaja Islam.

WORKSHOP: GENERAL CAPACITY BUILDING



6 Julai 2019
NAMA Foundation KL
25 orang
Anjuran: ACCIN, NAMA Foundation

INTERNATIONAL SEMINAR: RELIGIOUS VALUES IN PREVENTING & COUNTERING VIOLENT EXTREMISM





26 Ogos 2019
Dewan Senat UIAM KL
200 orang
Anjuran: ACCIN, UIAM

Objektif

1. Memperkuat konsensus global dalam memerangi ekstremisme ganas.
2. Menekankan kepentingan dan pelaksanaan cadangan berkaitan berhubung dengan nilai-nilai keagamaan dalam menghalang dan menentang keganasan ekstrem, sebagaimana yang digunakan untuk konteks tempatan dan antarabangsa.
3. Untuk menyerlahkan kajian kes kontemporer agama dan ekstremisme ganas.



31 Ogos & 1 September 2019
Masjid Al Syakirin Gombak
1000 Orang
Anjuran: ACCIN, Masjid Al Syakirin Gombak, PUM

Objektif

1. Hijrah menyatupadukan ummah
2. Mendidik masyarakat supaya mengenal Hijrah dengan lebih dekat
3. Mendekatkan kaum bukan Islam kepada ajaran dan amalan Islam

KARNIVAL MAAL HIJRAH 1441



PERSIDANGAN MEJA BULAT KASHMIR



2 Oktober 2019
GLOBAL PEACE MISSION HQ
600 orang
Anjuran: ABIM, GPM dengan kerjasama ACCIN

Objektif

Membincangkan tindakan New Delhi yang membatakan status autonomi khas wilayah Kashmir melalui pemansuhan Artikel 370 Perlembagaan India di Parlimen.

Tindakan ini dilihat kepada agenda penguasaan politik terhadap wilayah majoriti umat Islam yang menjadi rebutan India dan Pakistan sejak lebih tujuh dekad yang lalu.

WACANA PENGUBATAN ISLAM : SUDUT PANDANG MASA KINI



2 November 2019
IDIP KL
120 orang
Anjuran: Darissyifa', ACCIN

Objektif

Memperkenalkan jenis dan cara perubatan Islam dari sudut pandangan zaman moden diikuti dengan cara pengubatan Islam boleh digunakan untuk dakwah.

KUNJUNG HORMAT

KUNJUNG HORMAT DAN DIALOG DENGAN YDP YADIM



Berlangsung pada 18 Februari 2019 di Putrajaya yang dihadiri oleh 18 orang ahli ACCIN mengunjungi Ustaz Nik Omar Niz Aziz YDP YADIM.

KUNJUNG HORMAT KE BANK ISLAM KL



Berlangsung pada 27 Februari 2019 di Menara Bank Islam KL yang dihadiri oleh pihak pengurusan ACCIN mengunjungi En Mohd Zikri Mohd Shairy Pengurus Kanan Pusat Kecemerlangan Syariah.

KUNJUNG HORMAT KE ISLAMIC COUNSELOR OFFICE SAUDI ARABIA




Berlangsung pada 4 Mac 2019 di pejabat Kaunselor Islam KL yang dihadiri oleh ED ACCIN mengunjungi Sheikh Abdul Rahman Religious Counselor of Saudi Arabia.

PERJUMPAAN DENGAN PENEGRUSI YAPEIM



Berlangsung pada 11 Julai 2019 di pejabat YAPEIM KL yang dihadiri oleh pihak pengurusan ACCIN mengunjungi Datuk Daud Bakar Pengurus YAPEIM.

7-9/12 KUNJUNG HORMAT KE KOTA BHARU



Berlangsung pada 7-9 Disember 2019 di Kota Bharu yang diwakili oleh ahli ACCIN menjungung pejabat kerajaan negeri iaitu JAEIK, IDIP KB bersama dengan NGO-NGO di Kota Bharu iaitu PUM, MACMA, PERKIM, IKRAM, ABIM serta lawatan ke pejabat NGOi tersebut dan ke kampung orang asli di Lanas.

MESYUARAT / PERBINCANGAN /JEMPUTAN

MESYUARAT DENGAN JKMPKA



Berlangsung pada 12 April di pejabat ACCIN Bersama ED ACCIN dan wakil-wakil dari JKMPKA untuk membincang perkembangan JKMPKA

PERBINCANGAN DENGAN FINTERRA



Berlangsung pada 16 April 2019 di pejabat Finterra dengan pegawai tinggi Finterra Hj Saifuddin dan pengurusan ACCIN di Damansara Heights untuk memahami dan membincang ubtuk berdaftar di platform Finterra untuk projek infaq di bawah ACCIN Care.

PERBINCANGAN DENGAN ENSANY



Berlangsung pada 23 April 2019 di pejabat Ensany di Setapak dengan pegawai tinggi Ensany dan

pihak pengurusan ACCIN bagi memahami dan membincang ‘crowd funding’ untuk projek infaq ACCIn di bawah ACCIN Care.

PENYAMPAIAN PEMBINAAN PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN NGO OLEH MAIWP



Berlangsung pada 14 Mei 2019 di Hotel Putra KL yang dihadiri oleh 40 buah NGO untuk menerima dana tahunan. ACCIN telah menerima sebanyak RM100,000 untuk pembiayaan aktivit bagi tahun 2019.

PERBINCANGAN DENGAN BANK ISLAM MENGENAI ACCIN CARE



Berlangsung pada 16 Mei 2019 di Menara Bank Islam dengan pengurusan ACCIN dan pegawai Bank Islam dari bahagian Pusat Kecermelangan Syariah.

MESYUARAT PANEL PEMIKIR

Berlangsung pada 24 Mei 2019 di pejabat ACCIN yang dihadiri olen pihak pengurusan ACCIN dan ahli jemputan Dr Amriah Buang dan Ustaz Zakaria untuk mesyuarat pertama Panel Pemikir bertujuan untuk menghasilkan objektif dan peraturan panel pemikir serta keahliannya.

45 YEARS MALAYSIA CHINESE DIPLOMATIC RELATIONS CHINESE EMBASSY



Berlangsung pada 27 Mei 2019 di Kedutaan Republik China KL bagi menghadiri sambutan 45 tahun perhubungan diplomatoik China dengan Malaysia.

SRI LANKA EMBASSY DISCUSSION ON VIOLENCE IN SRI LANKA AGAINST THE MUSLIMS 21 APRIL INCIDENT



Berlangsung pada 28 Mei 2019 di Kedutaan Sri Lanka dengan Majintha Jayasinghe Menteri Suruhanjaya Tinggi Sr Lanka dan N.A. Chirantha Randima Counsellor High Commission of Sri Lanka yang diwakili oleh ACCIN dan MAPIM.

PERBINCANGAN DENGAN NAMA FOUNDATION



Berlangsung pada 28 Mei 2019 di pejabat NAMA Foundation dengan pegawai tinggi Dr Salleh

dengan pihak pengurusan ACCIN untuk membincang mengenai kolaborasi dan program bersama NAMA Foundation.

MAJLIS RAYA OLEH CHINESE EMBASSY KL



Berlangsung pada 8 Jun 2019 di Kedutaan Republik China Ampang KL untuk menghadiri jemputan kedutaan untuk meraikan Hari Raya.

PERGERAKAN - MEMORANDUM ISU XINJIANG



Berlangsung pada 5 Julai 2019 di Kedutaan Republik China KL untuk menyerahkan Memorandum Isu Xinjiang.

REGIONAL DIALOGUE ON UNCAT



Berlangsung pada 8 Julai 2019 di Hotel Renaissance KL yang dihadiri oleh CEO ACCIN untuk membincangkan dengan United Nations Convention against Torture untuk mendapatkan input dari NGO-NGO Islam Malaysia.

KENYATAAN MEDIA

26 April 2019 KERATAN AKHBAR DARI ED ACCIN

→ MUKA SEPULUH

Naratif serangan di Christchurch, Sri Lanka kaitkan Islam

Dari Mata ke Mata

Kesilapan penilaian UBS serius

26 November 2019

THE ROHINGYA CRISIS: Action of Courage and Upholding of Justice shown by the Government of Gambia to charge Myanmar in The International Court of Justice is to be applauded.

Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs Malaysia, applauds the courageous and decisive action by the Gambian government to bring the Myanmar government to the International Court of Justice (ICJ). This, after all efforts to resolve the crisis through diplomatic channels have failed. The west African nation is due to open its case before the ICJ in December, 2019 on behalf of the 57 member states of the Organisation of Islamic Cooperation. The complaint accuses Myanmar of breaching the 1948 UN Genocide Convention through its brutal military campaign which targeted the Rohingya minority in Rakhine state. The case will be the first international legal attempt over the Rohingya crisis, and is a rare example of a country suing another over an issue to which it is not directly a party. The ICJ was set up in 1946 after World War II to adjudicate in disputes between member states. The International Criminal Court - another Hague-based court set up in 2002 to probe war crimes - last week authorized its chief prosecutor to launch a full investigation into the prosecution of the Rohingyas. ACCIN due to these recent years events, is alarmed by the situation in northern Rakhine , Myanmar, where the Rohingyas are systematically subjected to ethnic cleansing, torture, rape and put in concentration camps with their human rights violated to the extreme. There is increasing recognition of the fact by virtue of a 444 page United Nations report that indict the Myanmar regime of fourth stage genocide. There is as many as one and a half million Rohingyas that have been mercilessly driven away from their homeland to near and far places with no solution whatsoever in the horizon in regards to their repatriation and right of return. "Evidence of a new reign of terror and wholesale destruction of communities exercised by the Myanmar State against the Rohingya population has emerged" in Nov. 2016. This is a continuation of the persecution of the Rohingyas, which significantly escalated since 1978 under the military junta of General U Ne Win. That year, national identification card holders of Rohingya descent were duped into surrendering their cards to the government who promised to reissue new identity cards. Without any new cards, they were declared stateless and therefore illegal immigrants. On the 25th November 2016, the Malaysian Government officially referred to the "alleged ethnic cleansing" of Rohingyas. No less than seven Nobel Peace laureates have stepped forward to condemn the massacre and have

urged that it be described and designated as no less a genocide. They are Mairead Maguire – Northern Ireland, Jody Williams – USA, Tawakkol Karman – Yemen, Shirin Ebadi – Iran, Leymah Gbowee – Liberia, Adolfo Perez Esquivel – Argentina and Bishop Desmond Tutu – South Africa. According to these laureates, the Rohingyas face a textbook case of genocide where entire indigenous communities are being systematically wiped out by the Myanmar government.

ACCIN urges an immediate and total stop to this violence to humanity. It is our sincere hope that the ASEAN governments would emulate the Gambian government's decisive action to pressure Myanmar to resolve the crisis and prevent the tragedy from continuing.

The principle of non interference in the affairs of an ASEAN nation is superseded by the 1948 UN Genocide Convention of which all ASEAN member nations are signatories.

ACCIN is of the view that the example set by the Gambian Government in this pursuit of justice will encourage other nations to similarly seek justice for the many oppressed people around the world. As the saying goes, "action speaks louder than mere words."

Sincerely,

Ir. Mohd Jamaludin Shamsudin
CEO ACCIN

Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN)

Sekian Laporan ACCIN sesi 2019

Disediakan oleh:
Sekretariat ACCIN Sesi 2020